



## **PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2019**

---

### **GARIS PANDUAN PELUCUTHAKAN DAN PELUPUSAN BENDA YANG DISITA [ALAT PENGANGKUTAN (DARAT)] OLEH JABATAN PERHUTANAN NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

---

#### **1.0 TUJUAN**

Garis panduan ini adalah untuk menerangkan prosedur pelucuthakan dan pelupusan benda yang disita [alat pengangkutan (darat)] berdasarkan peruntukan Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] oleh Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) di Semenanjung Malaysia dan mana-mana undang-undang lain yang berkaitan.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Benda yang disita adalah merupakan barang kes yang telah disita apabila terlibat dalam suatu kesalahan hutan. Barang kes akan digunakan sebagai bahan bukti di Mahkamah bagi pertuduhan kesalahan hutan yang dilakukan.
- 2.2 Bagi kes kesalahan hutan, hasil hutan dan alat pengangkutan (darat) yang digunakan untuk mengambil hasil hutan adalah merupakan barang kes utama. Ia perlu dibawa keluar dari tempat kejadian untuk memastikan barang kes tersebut selamat dan boleh dijadikan bukti untuk proses pertuduhan. Adalah menjadi kewajipan kepada pegawai yang menyita untuk mengendalikan barang kes sepetimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 93, Akta 313.
- 2.3 Prosedur pelucuthakan dan pelupusan benda yang disita (ala! pengangkutan (darat)] terbahagi kepada dua (2) situasi iaitu melalui pendakwaan dan tanpa melalui pendakwaan. Waiau bagaimanapun, kedua-dua situasi ini perlu merujuk kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] bagi proses tukar hakmilik.
- 2.4 Sehingga kini, proses pelucuthakan benda yang disita [alat pengangkutan (darat)] ini tidak dapat dilakukan atas masalah yang berkaitan dengan prosedur pertukaran milikan kenderaan kepada Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

- 2.5 Perkara ini telah menyebabkan benda yang disita [alat pengangkutan (darat)] yang telah diputuskan untuk dilucut hak tidak dapat dilupuskan. Ini juga mengakibatkan benda yang disita (alat pengangkutan (darat)) terbiar di stor penyimpanan barang kes hingga bertahun lamanya dan tidak boleh diguna pakai.
- 2.6 Ini menyebabkan kerugian dan kemerosotan susut nilai bagi benda yang disita (alat pengangkutan (darat)] yang tidak digunakan dan hanya tersadai di stor penyimpanan barang kes. Malah ia juga menambahkan kos kepada jabatan untuk tujuan pengawalan serta hanya memenuhi ruang penyimpanan barang kes.

### **3.0 PROSEDUR PENGESAHAN BENDA YANG DISITA [ALAT PENGANGKUTAN (DARAT)]**

- 3.1 Pegawai Penyiasat [*Investigating Officer (IO)*] hendaklah melengkapkan Kertas Siasatan [*Investigation Paper (IP)*] serta menjalankan semakan nombor enjin dan casis bagi benda yang disita [alat pengangkutan (darat)]. Sekiranya nombor enjin dan casis di dalam keadaan terang, jelas dan tidak terusik, IO hendaklah merujuk kepada JPJ untuk mendapatkan laporan pengesahan secara bertulis bagi maklumat berikut:
  - i) nombor enjin dan casis bagi benda yang disita (alat pengangkutan (darat));
  - ii) rekod hakmilik dan perkara berkaitan seperti berat, dimensi, ciri-ciri pembinaan, warna, butir-butir pengenalan atau tempat duduk;
  - iii) rekod senarai hitam termasuk rekod jenayah; dan
  - iv) rekod pembiayaan kewangan.
- 3.2 Sekiranya terdapat sebarang usik ganggu terhadap nombor enjin dan casis, IO hendaklah merujuk kepada Bahagian Kriminalistik, Jabatan Kimia Malaysia untuk mendapatkan laporan analisis kriminalistik.
- 3.3 Setelah laporan analisis kriminalistik diperolehi daripada Jabatan Kimia Malaysia, IO hendaklah merujuk semula kepada JPJ untuk mendapatkan laporan pengesahan sepertimana di subperenggan 3.1 (i) hingga (iv). Walau bagaimanapun, sekiranya laporan analisis kriminalistik mengesahkan bahawa terdapat usik ganggu kepada nombor enjin dan casis, IO hendaklah merujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) dengan persetujuan PPN untuk arahan selanjutnya.
- 3.4 Sekiranya pemunya benda yang disita [alat pengangkutan (darat)] diketahui selepas mendapat laporan pengesahan JPJ, IO hendaklah mengeluarkan satu notis secara bertulis mengenai penyitaan itu kepada pemunya berkenaan benda yang disita [alat pengangkutan (darat)] tersebut.

- 3.5 IO hendaklah mendapatkan persetujuan PPN sebelum mengemukakan IP yang lengkap termasuklah laporan pengesahan daripada agensi yang berkaitan kepada TPR untuk menentukan sama ada kes tersebut boleh dijalankan pendakwaan atau sebaliknya.

#### **4.0 PROSEDUR PELUCUTHAKAN BENDA YANG DISITA [ALAT PENGANGKUTAN (DARAT)] MELALUI PENDAKWAAN**

- 4.1 Setelah kes didengar oleh Mahkamah, Majistret atau Hakim Mahkamah Sesyen akan membuat satu perintah sama ada benda yang disita itu dilucut hak atau dilepaskan kepada pemunya sepetimana peruntukan subseksyen 94(3), Akta 313. IO hendaklah mendapatkan perintah Mahkamah ini secara bertulis bagi tujuan rekod.
- 4.2 Sekiranya perintah Mahkamah memutuskan untuk melepaskan benda yang disita [alat pengangkutan (darat)], IO hendaklah menyerahkan semula benda yang disita tersebut kepada pemunya benda yang disita itu serta merekod akuan penyerahan dan penerimaannya.
- 4.3 Sekiranya perintah Mahkamah memutuskan untuk melucut hak benda yang disita [alat pengangkutan (darat)], selepas tamat tempoh rayuan 14 hari bekerja, IO hendaklah merujuk kepada PPN untuk menentukan kaedah pelupusan yang paling sesuai untuk dijalankan berdasarkan kepada keadaan benda yang disita tersebut berpandukan **perenggan 6.0 atau perenggan 7.0 Garis Panduan ini**.

#### **5.0 PROSEDUR PELUCUTHAKAN BENDA YANG DISITA [ALAT PENGANGKUTAN (DARAT)] TANPA MELALUI PENDAKWAAN**

- 5.1 Sekiranya tiada sebarang pendakwaan, benda yang disita itu hendaklah disifatkan sebagai terlucut hak apabila tamat tempoh satu (1) bulan kalender dari tarikh penyitaan itu. PPN boleh melupuskan benda yang disita tersebut berdasarkan kepada peruntukan subseksyen 94(4), Akta 313 berpandukan **perenggan 6.0 atau perenggan 7.0 Garis Panduan ini**.
- 5.2 Waiau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang tuntutan dalam tempoh satu (1) bulan kalender, IO hendaklah merujuk kepada PPN dan PPN akan memutuskan sama ada benda yang disita [alat pengangkutan (darat)] ini perlu dirujuk ke Mahkamah atau dilepaskan kepada pemunya asal.
- 5.3 Sekiranya PPN mengarahkan untuk dirujuk ke Mahkamah, IO hendaklah membuat permohonan ke Majistret atau Hakim Mahkamah Sesyen sepetimana peruntukan perenggan 94(4)(b), Akta 313 dengan menggunakan format seperti di **LAMPIRAN A1, A2 dan A3**. Majistret atau Hakim Mahkamah Sesyen hendaklah menjalankan pemeriksaan ke atas kes tersebut dan apabila terbukti bahawa suatu kesalahan hutan telah dilakukan dan benda yang disita [alat pengangkutan

(darat)] itu digunakan dalam melakukan kesalahan, maka Majistret atau Hakim Mahkamah Sesyen akan membuat satu perintah sama ada benda yang disita itu dilucut hak atau dilepaskan kepada pemunya.

- 5.4 Sekiranya perintah Mahkamah memutuskan untuk melepaskan benda yang disita [alat pengangkutan (darat)], IO hendaklah menyerahkan semula benda yang disita tersebut kepada pemunya benda yang disita itu serta merekod akuan penyerahan dan penerimaannya.
- 5.5 Sekiranya perintah Mahkamah memutuskan untuk melucut hak benda yang disita [alat pengangkutan (darat)], IO hendaklah merujuk kepada PPN untuk menentukan kaedah pelupusan yang paling sesuai untuk dijalankan berdasarkan kepada keadaan benda yang disita tersebut berpandukan **perenggan 6.0 atau perenggan 7.0 Garis Panduan ini**.

## **6.0 PROSEDUR PELUPUSAN BENDA YANG TELAH DILUCUT HAK [ALAT PENGANGKUTAN (DARAT)]**

- 6.1 Prosedur pelupusan benda yang telah dilucut hak [alat pengangkutan (darat)] adalah bergantung kepada arahan yang telah diputuskan oleh PPN sepetimana peruntukan subseksyen 94(5), Akta 313 serta tertakluk kepada Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (Pekeliling Perbendaharaan Malaysia).
- 6.2 Terdapat beberapa kaedah pelupusan bergantung kepada tujuan utama serta keadaan benda yang telah dilucut hak tersebut. Di antara kaedah yang boleh diguna pakai adalah seperti berikut:

### **6.2.1 Kaedah Pelupusan Secara Jualan**

- a) Sebelum pelupusan benda yang telah dilucut hak [alat pengangkutan (darat)] melalui kaedah jualan ini dilaksanakan, Pegawai Yang Dilantik (PYD) hendaklah menjalankan urusan pertukaran milikan kenderaan melalui JPJ. Pertukaran milikan kenderaan ini adalah daripada pemunya asal kepada PPN sepetimana **subperenggan 7.1 dan 7.3 Garis Panduan ini**.
- b) Setelah urusan pertukaran milikan kenderaan selesai, IO hendaklah mendapatkan laporan nilai semasa daripada Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kerja Raya (JKR). Laporan penilaian ini dapat memudahkan proses pelupusan kerana perkara penting yang diambil kira bagi kaedah ini adalah kriteria pulangan hasil yang paling menguntungkan Kerajaan.

c) Terdapat tiga (3) jenis jualan yang boleh membawa pulangan kepada hasil Jabatan iaitu melalui:

**i) Tender**

Had Nilai Tender hendaklah dipelawa bagi nilai semasa satu aset alih atau secara agregatnya melebihi RM 500,000.00 pada satu-satu masa. Kenyataan Tawaran Tender Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-24).

**ii) Sebut Harga**

Had Nilai Sebut Harga hendaklah dipelawa bagi nilai semasa satu aset alih atau secara agregatnya tidak melebihi RM 500,000.00 pada satu-satu masa. Kenyataan Tawaran Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-27).

**iii) Lelong**

Pelupusan melalui kaedah lelong boleh dilaksanakan ke atas aset alih yang mempunyai nilai pasaran, mempunyai kuantiti yang banyak serta terdapat permintaan yang tinggi untuk membelinya. Kenyataan Jualan Lelongan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-30).

### **6.2.2 Kaedah Pelupusan Secara Jualan Sisa**

- a) Kaedah pelupusan secara jualan sisa dilaksanakan bagi benda yang telah dilucut hak [alat pengangkutan (darat)] serta tidak boleh digunakan dalam bentuk dan fungsi asalnya.
- b) Kaedah ini hendaklah dilaksanakan seperti berikut:

**i) Tender**

Nilai perolehan asal bagi benda yang telah dilucut hak [alat pengangkutan (darat)] atau secara agregatnya melebihi RM500,000.00 hendaklah dipelawa secara tender terbuka kepada syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam Bidang Membeli Barang Lusuh.

**ii) Sebut Harga**

Nilai perolehan asal bagi benda yang telah dilucut hak [alat pengangkutan (darat)] atau secara agregatnya melebihi RM50,000.00 sehingga RM500,000.00. JPN hendaklah mempelawa sekurang-kurangnya lima (5) syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam Bidang Membeli Barang Lusuh.

**iii) Jualan Terus**

Nilai perolehan asal bagi benda yang telah dilucut hak [alat pengangkutan (darat)] atau secara agregatnya sehingga RM50,000.00. Kajian Pasaran hendaklah dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam Bidang Membeli Barang Lusuh.

**6.2.3 Kaedah Pelupusan Secara Tukar Ganti**

- a) Kaedah pelupusan secara tukar ganti boleh dilaksanakan ke atas benda yang telah dilucut hak [alat pengangkutan (darat)] yang tidak ekonomi dibaiki tetapi boleh dikeluarkan komponen-komponen tertentu seperti komponen kenderaan dikeluarkan dan dipasang sebagai alat atau komponen ganti bagi pemberian jentera atau kenderaan yang lain.
- b) PPN boleh mengarahkan Pegawai Teknikal yang dilantik untuk memeriksa dan mengesahkan kesesuaianya sebelum dipasang kepada peralatan lain yang sama jenis atau kegunaannya. Satu laporan bertulis hendaklah disediakan bagi tujuan rekod.

**6.2.4 Kaedah Pelupusan Secara Musnah**

- a) Kaedah pelupusan secara musnah hendaklah menjadi pilihan terakhir setelah mendapati semua kaedah seperti jualan, jualan sisa dan tukar ganti tidak sesuai untuk dilaksanakan.
- b) Kaedah ini boleh dilaksanakan bagi aset yang tiada nilai jualan atau nilai sisa. PPN boleh mengarahkan Pegawai Hutan Daerah (PHD) untuk melupuskan benda yang telah dilucut hak [alat pengangkutan (darat)] mengikut kesesuaian seperti contoh ditanam, dibakar, dibuang, ditenggelam, dilempar/ dilebur dan sebagainya.

## **7.0 PROSEDUR PENDAFTARAN BENDA YANG TELAH DILUCUT HAK [ALAT PENGANGKUTAN (DARAT)] BAGI KEGUNAAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI (JPN)**

- 7.1 Benda yang telah dilucut hak [alat pengangkutan (darat)] hendaklah dibawa untuk pemeriksaan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) sebelum dibuat permohonan kelulusan kepada Perbendaharaan Malaysia jika ia dicadang untuk digunakan.
- 7.2 PYD yang diberi kuasa secara bertulis oleh PPN perlu memastikan segala dokumen yang perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia hendaklah dilengkapkan sepertimana butiran berikut:
  - 7.2.1 Salinan perintah Mahkamah atau arahan pelucutahan oleh PPN di bawah peruntukan subseksyen 94(4), Akta 313 sepertimana di **LAMPIRAN B**;
  - 7.2.2 Gambar benda yang telah dilucut hak [alat pengangkutan (darat)];
  - 7.2.3 Butiran dan keterangan benda yang telah dilucut hak [alat pengangkutan (darat)] [nombor pendaftaran bagi kenderaan, tahun dibeli, harga perolehan asal, nilai semasa dan model];
  - 7.2.4 Surat permohonan daripada JPN;
  - 7.2.5 Pengesahan peruntukan sedia ada mencukupi untuk menampung kos penggunaan dan penyelenggaraan benda yang telah dilucut hak [alat pengangkutan (darat)] tersebut; dan
  - 7.2.6 Dokumen-dokumen lain yang berkaitan (jika perlu).
- 7.3 Setelah kelulusan Perbendaharaan Malaysia diperolehi, PYD hendaklah melaksanakan proses pertukaran milikan kenderaan dan mendapatkan Sijil Pemilikan Kenderaan [*Vehicle Ownership Certificate (VOC)*] daripada JPJ. Di antara dokumen-dokumen yang perlu dilampirkan adalah sepertimana butiran berikut:
  - 7.3.1 Salinan perintah Mahkamah atau arahan pelucutahan oleh PPN di bawah peruntukan subseksyen 94(4), Akta 313 sepertimana di **LAMPIRAN B**;
  - 7.3.2 Borang Penyata Pertukaran Milikan Kenderaan Motor Selain Daripada Pindahmilik Secara Sukarela Oleh Pemunya Berdaftar (Borang JPJ K3A) yang telah dilengkapkan;
  - 7.3.3 Laporan Pemeriksaan Tukar Hak Milik Kenderaan oleh PUSPAKOM;
  - 7.3.4 Surat wakil kuasa PPN kepada PYD; dan

- 7.3.5 Dokumen-dokumen lain yang berkaitan (jika perlu).
- 7.4 Setelah proses pertukaran milikan kenderaan dan VOC diluluskan oleh JPJ, PYD perlu menyerahkan dokumen-dokumen berkaitan kepada Pegawai Aset bagi tujuan pendaftaran semula benda yang telah dilucut hak [alat pengangkutan (darat)] tersebut seperti mana butiran berikut:
- 7.4.1 Salinan perintah Mahkamah atau arahan pelucutahan oleh PPN di bawah peruntukan subseksyen 94(4), Akta 313 seperti mana di **LAMPIRAN B**;
- 7.4.2 Surat Kelulusan Perbendaharaan Malaysia bagi benda yang telah dilucut hak [alat pengangkutan (darat)]; dan
- 7.4.3 Dokumen-dokumen lain yang berkaitan (jika perlu).
- 7.5 Pegawai Aset hendaklah mendaftar semula benda yang telah dilucut hak [alat pengangkutan (darat)] dengan menggunakan Daftar Harta Modal (KEW.PA-3), Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (Pekeliling Perbendaharaan Malaysia).

## 8.0 CARTA ALIRAN

- 8.1 Carta aliran kerja bagi prosedur pelucutahan dan pelupusan benda yang disita [alat pengangkutan (darat)] melalui pendakwaan adalah seperti di **LAMPIRAN C1** dan prosedur pelucutahan dan pelupusan benda yang disita [alat pengangkutan (darat)] tidak melalui pendakwaan adalah seperti di **LAMPIRAN C2**.

## 9.0 TARIKH KUATKUASA

- 9.1 Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta di semua JPN di Semenanjung Malaysia pada tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' HAJI NOR AKHIRRUDIN BIN MAHMUD)**  
Ketua Pengarah Perhutanan  
Semenanjung Malaysia

Bertarikh : 4 MAC 2019

**JABATAN PERHUTANAN NEGERI .....**

**KETERANGAN MENGENAI SAMAN**

**[perenggan 94{4}(b), Akta Perhutanan Negara 1984]**

Tarikh: .....

Jabatan Perhutanan Negeri / Pejabat Hutan Daerah:

.....

Kepada **Tuan/ Puan Majistret,**  
**Mahkamah Majistret .....**

Tuan,

Saya dengan ini mengepulkan satu laporan rampasan benda yang disita berikut:-

1. .... (*benda yang disita*).....

**No. Casis:** .....

**No. Enjin:** .....

Tidak ada pendakwaan mengenai benda yang disita yang tersebut di atas dan tuntutan telah dibuat oleh orang yang tersebut di bawah ini (nama dan alamat penuntut) dalam tempoh satu bulan dari tarikh rampasan.

.....(*nama/ agensi penuntut*). ....

.....(*alamat agensi penuntut*). ....

.....

.....

Saya berpuas hati bahawa benda yang disita ini sebetulnya menjadi perkara utama ataupun telah digunakan dalam melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ..... Akta Perhutanan Negara 1984 dan saya memohon supaya dikeluarkan saman memerlukan .....(*nama dan alamat agensi penuntut*). .... supaya hadir di hadapan Mahkamah untuk pemeriksaan dalam perkara ini.

Saya juga memohon supaya dikeluarkan saman memerlukan .....(*dari siapa benda yang disita ini dirampas - jika ada*). .... untuk hadir di hadapan Mahkamah untuk pemeriksaan ini.

Sekian, terima kasih

( )  
**Pengarah Perhutanan Negeri**

MALAYSIA  
NEGERI .....  
DALAM MAHKAMAH MAJISTRET .....

PERMOHONAN PELBAGAI NO:

DI ANTARA

PENGARAH,  
JABATAN PERHUTANAN NEGERI ..... PENGADU

DAN

.....(nama/ agensi penuntut).....  
.....(alamat agensi penuntut).....

.....

..... RESPONDEN

SAMAN

(Di bawah perenggan 94(4)(b) Akta Perhutanan Negara 1984)

BAHAWASANYA telah dilaporkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri ..... , bahawa benda yang disita tersebut di bawah ini telah dirampas pada .....(tarikh) .....di .....(tempat rampasan).....

2. .....(benda yang disita).....

No. Casis: .....

No. Enjin: .....

DAN BAHAWASANYA benda yang disita yang tersebut di atas sebetulnya adalah hal perkara yang digunakan dalam melakukan sesuatu kesalahan di bawah seksyen ..... Akta Perhutanan Negara 1984 dan tidak ada pendakwaan mengenai benda yang disita yang tersebut di atas.

MAKA DENGAN INI KAMU ADALAH disaman supaya hadir di hadapan Mahkamah Majistret ..... bertarikh ..... yang akan datang pada jam ..... untuk menunjukkan sebab yang berpatutan mengapa benda yang disita tersebut tidak boleh dilucut hak.

DAN BAHAWASANYA apabila kamu hadir atau gagal hadir setelah penyerahan sewajarnya saman ini dibuktikan, **Tuan/ Puan Majistret, Mahkamah Majistret** ..... akan terus membuat pemeriksaan dalam perkara ini, dan apabila dibuktikan bahawa satu kesalahan hutan telah dilakukan dan bahawa barang bukti ini adalah hal perkara atau digunakan dalam melakukan kesalahan itu, memerintahkan supaya ..... (*benda yang disita*)..... dilucut hak, atau boleh, jika tidak ada bukti demikian, memerintahkan supaya dilepaskan.

DIBERI di bawah tandatangan saya dan dimeterai Mahkamah  
Pada ..... haribulan....., 20

Pendaftaran  
*Majistret*

## LAMPIRAN A3

(Mahkamah 143)

(pin. 1/80)

### TANAH MELAYU NEGERI ..... DALAM MAHKAMAH MAJISTRET .....

Tarikh: .....

## PENGADUAN

Maklumat dan pengaduan **PENGARAH PERHUTANAN NEGERI** .....  
yang beralamat di Jabatan Perhutanan Negeri .....  
di Mahkamah Majistret ..... , di hadapan saya  
Majistret yang bertandatangan di bawah ini pada .....(tarikh).....  
setelah membuat sumpah menyatakan bahawa:

### SILA LIHAT LAMPIRAN

melanggar undang-undang yang diperbuat dan diuntukkan berkenaan dengan hal itu:

Oleh yang demikian, **PENGARAH PERHUTANAN NEGERI** yang tersebut memohon supaya .....(namal agensi penuntut).....  
.....(alamat agensi penuntut).....

Disaman supaya hadir di hadapan  
Ditangkap dan dibawa ke hadapan

Mahkamah, supaya dibicarakan mengikut

undang-undang.

Saksi tandatangan atau cap jari

}

Diambil di hadapan saya pada hari dan tahun  
Dan di tempat yang tersebut di atas.

}

Perintah dibuat:

*Majistret*

Saman dikeluarkan  
ditolak

## LAMPIRAN

1. Fakta Kes (*sila perincikan*)
2. Satu Laporan Polis dibuat di..... ;  
No. Repot ..... bersabit penahanan  
..... (*benda yang disita*).....
3. Kes disiasat di bawah seksyen ....., Akta Perhutanan Negara 1984.  
Siasatan dijalankan oleh Pegawai Hutan, .....
- Hasil pemeriksaan dan siasatan adalah seperti berikut:
  - 3.1 Satu Notis Penyitaan di bawah seksyen ....., Akta Perhutanan Negara 1984 telah dikeluarkan kepada .....  
pada ..... dan tiada sebarang tuntutan diterima.
  - 3.2 Semakan dengan Jabatan Kimia Malaysia .....  
mengesahkan bahawa nombor casis .....  
dan nombor enjin .....
  - 3.3 Semakan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) .....  
mengesahkan benda yang disita sebagai:  
..... (*laporan daripada JPJ*).....
  - 3.4 Polis DiRaja Malaysia (PDRM) mengesahkan benda yang disita tersebut  
.....
  - 3.5 Penilaian harga telah dibuat dengan Cawangan Kejuruteraan Mekanikal,  
Jabatan Kerja Raya (JKR) .....  
dan benda yang disita tersebut bernilai .....  
manakala cukai terlibat adalah .....

4. Benda yang disita tersebut ditahan kerana.....

.....

..... dan merupakan satu kesalahan di bawah seksyen .....

Akta Perhutanan Negara 1984.

5. Berdasarkan kepada fakta di atas, saya pohon satu inkirui didaftarkan di Mahkamah di bawah perenggan 94(4)(b), Akta Perhutanan Negara 1984 untuk berhubung dengan .....(*benda yang disita*).....

Rujukan kami: .....  
Tarikh: .....

Pengarah  
Jabatan Pengangkutan Jalan

.....  
.....

Tuan,

**PENGESAHAN LUCUT HAK BENDA YANG DISITA DI BAWAH  
AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984 [AKTA 313]**

**Nombor Casis:** .....

**Nombor Enjin:** .....

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan kepada pihak tuan berkuatkuasa mulai tarikh ..... benda yang disita seperti yang dinyatakan di perenggan 3 telah dilucut hak kepada Jabatan Perhutanan Negeri ..... berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] yang melibatkan satu daripada peruntukan undang-undang berikut:

Seksyen/ Akta

Catatkan    
di tempat berkenaan

2.1 Dilucut hak oleh Mahkamah di bawah subseksyen 94(3)/ perenggan 94(4)(c) Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]  
Bersama-sama ini disertakan salinan Perintah Mahkamah

2.2 Dilucut hak di bawah subseksyen 94(4), Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] kerana tiada sesiapa yang menuntut selepas satu bulan kalendar

3. Butiran benda yang dilucut hak ialah:
4. Segala tindakan mengesan pemilik dan pihak pembiaya telah dilakukan oleh Jabatan Perhutanan Negeri ..... Jabatan ini memperakukan bahawa segala tuntutan oleh mana-mana pihak ke atas benda yang dilucut hak seperti di perenggan 3 tidak lagi berbangkit.
5. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini memohon pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengambil tindakan berikut:

<u>Tindakan</u>	<u>Catatkan <input checked="" type="checkbox"/> di tempat berkenaan</u>
-----------------	---

- |   |                          |
|---|--------------------------|
| 5.1 Pembatalan rekod tuntutan hak milik                               | <input type="checkbox"/> |
| 5.2 Pertukaran milikan kenderaan kepada Pengarah Perhutanan Negeri    | <input type="checkbox"/> |
| 5.3 Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC) kepada Pengarah Perhutanan Negeri | <input type="checkbox"/> |


6. Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih


**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

(  
**Pengarah Perhutanan Negeri**  
.....

**PROSEDUR PELUCUTHAKAN DAN PELUPUSAN BENDA YANG DISITA  
[ALAT PENGANGKUTAN (DARAT)] MELALUI PENDAKWAAN**




## SAMBUNGAN LAMPIRAN C1



## LAMPIRAN C2

### PROSEDUR PELUCUTHAKAN DAN PELUPUSAN BENDA YANG DISITA [ALAT PENGANGKUTAN (DARAT)] TIDAK MELALUI PENDAKWAAN



## SAMBUNGAN LAMPIRAN C2

